

Kawasan luar bandar tak diabai: Pak Lah

BH-31072006

DARI MUKA 1

yang diterajui Khazanah Nasional berbeza daripada koridor Utara, Timur atau Sabah dan Sarawak kerana kerajaan mengambil kira

peibagai aspek termasuk memastikannya setanding atau lebih hebat daripada Singapura.

"Pembangunan SJER akan dibuat secara unik kerana ia mengikut acuan sendiri dan akan menjadi pemangkin kepada pelbagai kemajuan serta pemodenan Malaysia selaras Wawasan 2020.

"Kita memahami tradisi pembangunan di Johor. Ketika zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar lagi, negeri ini muncul sebagai kawasan termoden di Tanah Melayu dengan infrastrukturnya serta sistem Pegawai Tadbir Johornya (JCS)," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak akan melupakan kawasan luar bandar serta usahawan dan Bumiputera dalam pembangunan SJER kerana mereka akan turut dibabitkan bagi membolehkan semua lapisan masyarakat menikmati manfaatnya.

Sejajar rancangan kerajaan membangunkan wilayah Johor Selatan secara besar-besaran di bawah SJER itu, beliau yakin ia akan muncul sebagai pemacu ekonomi negara pada masa depan.

"Ini semua rancangan saya, bukan rancangan orang lain," katanya sambil menegaskan kerajaan juga akan memajukan beberapa koridor pembangunan lain seperti koridor Utara, Koridor Timur dan dan Koridor Sabah serta Sarawak.

Koridor Utara membabitkan Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara, akan dimajukan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Sime Darby manakala koridor Timur meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur diterajui Petronas.

Sementara itu, Abdul Ghani dalam ucapannya, berkata rakyat Johor memberikan mandat penuh kepada Perdana Menteri untuk memimpin negara dan berikutan itu, rakyat Johor keseluruhannya, akan berdiri teguh di belakang kepimpinan beliau.

"Sungguhnyanya rakyat Johor berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam usaha beliau untuk melaksana dan menjayakan segala misi nasional. Marilah kita bersama-sama beliau," katanya.